

07 FEB 2003

Mahathir-Umno

UMNO HANCUR JIKA ANGGOTA UTAMAKAN DIRI SENDIRI, KATA PM

JITRA, 7 Feb (Bernama) -- Sekiranya pemimpin dan anggota parti mementingkan diri sendiri daripada parti, Umno akan hancur seperti parti-parti politik negara lain yang pada mulanya berjaya memperjuangkan kemerdekaan negara tetapi akhirnya ditolak oleh rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata yang penting ialah parti dan bukannya individu kerana rakyat akan menyokong parti yang boleh membawa kebaikan kepada mereka.

"Kalau betul-betul sayangkan Umno, bukan kerana kita dapat tempat dalam Umno tapi Umno-lah alat yang boleh membawa kebahagiaan kepada kita," katanya ketika merasmikan unit khas pemilihan Puteri Umno di Dewan Wawasan, di sini.

Beliau berkata tidak banyak parti politik di dunia ini yang memperjuangkan kemerdekaan kekal selepas itu kerana parti-parti itu sudah berubah sifatnya daripada mementingkan perpaduan ketika hendak mencapai kemerdekaan kepada pecah belah akibat berebut jawatan setelah merdeka.

"Mereka berebut jawatan untuk isi poket sendiri dan akhirnya berlaku perpecahan dan dengan itu parti jadi lemah dan tidak mendapat sokongan rakyat lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata individu sahaja sebagai pemimpin tidak boleh membawa kejayaan kepada agama, bangsa dan negara tanpa sokongan padu anggota parti.

Beliau bersyukur Umno yang telah berjuang lebih 50 tahun masih popular dan memenangi pilihan raya untuk membentuk kerajaan.

"Saya bersyukur, walaupun perebutan jawatan berlaku, parti tidak menjadi lemah tetapi ia sedikit sebanyak telah membawa perpecahan seperti yang berlaku pada 1987.

"Tetapi ramai kembali semula kepada Umno setelah sedar yang popular ialah Umno, bukan individu," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno telah mengubah nasib Melayu daripada miskin dan dihina di negara sendiri kepada kenikmatan yang dinikmati sekarang.

"Tiada yang boleh berkata mereka tidak dapat apa-apa nikmat hasil daripada perjuangan Umno.

"Mereka kini boleh kecapai pelbagai kemudahan termasuk bekalan elektrik, air, jalan raya dan pendidikan," katanya.

"Kalau kita tanya apa yang kita dapat daripada Umno untuk diri kita, kita akan kecewa dan menangis selama-lamanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan pemimpinnya kini dikenali dan disegani di seluruh dunia.

"Dahulu, adakah presiden Amerika Syarikat akan menulis surat kepada pemimpin Melayu untuk menjelaskan sebab hendak menyerang sesebuah negara? Kita sekarang boleh kata kita tidak setuju. Kalau dahulu kita, bahasa orang Kedah terkepon-kepon (diam takut tidak boleh berbuat apa-apa) sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman berjasa kerana dia pemimpin Umno.

"Saya tidak nafi jasa Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn tetapi mereka seorang sahaja tidak boleh buat jasa. Yang penting Umno. Yang bawa kejayaan Umno," katanya lagi.

Perdana Menteri meminta anggota Puteri Umno supaya tidak mengikut budaya yang diamalkan oleh anggota parti yang lebih senior dengan

bertelingkah dalam merebut jawatan.

Beliau melahirkan rasa sedih kerana wujud pertelingkahan ekoran merebut jawatan tertinggi Puteri ketika pemilihan pergerakan itu tahun lepas.

"Kita tidak seharusnya guna kelemahan dan keburukan seseorang sama ada betul atau tidak untuk mendapatkan tempat. Cara kotor harus dielakkan sebaliknya tunjukkan kebolehan," katanya.

Dr Mahathir berkata Puteri mesti mengekalkan nilai-nilai mulia dan yakin pergerakan itu akan mencipta budaya baru dalam Umno.

Beliau berkata Puteri dan Pemuda Umno akan terus berada dalam parti bagi mewarisi kepimpinan generasi yang lebih tua serta menyambung perjuangan Umno.

Menyentuh mengenai pilihan raya, Dr Mahathir berkata Puteri Umno mesti mempelajari cara berkempen dan menyokong sesiapa sahaja yang dipilih sebagai calon.

"Puteri mesti faham politik dan demokrasi. Sekiranya tidak terpilih sebagai calon, mereka mesti sokong orang yang dipilih kerana cara ini sahaja Umno akan capai kejayaan," katanya lagi.

Beliau kata Puteri harus jalankan tanggungjawab tanpa rasa kecewa kerana masih boleh berjuang untuk bangsa walaupun tidak terpilih sebagai calon.

Perdana Menteri turut meminta pemimpin Umno tidak meminggirkan pegawai kerajaan kerana golongan itu menyumbang kepada kemenangan parti dalam pilihan raya.

"Pemimpin Umno harus bersikap rendah diri, tidak sombong dan bongkak walaupun daripada parti kerajaan dan meminta pegawai kerajaan ditukarkan ke satu-satu tempat atas alasan yang kecil," katanya.

Beliau berkata hubungan dengan pegawai kerajaan mesti dijaga kerana mereka juga adalah pengundi yang bilangannya mencecah satu juta orang.

"Kita tidak mahu hilang satu juta undi daripada pegawai kerajaan. Ini tidak termasuk isteri dan sekurang-kurangnya secara purata seorang anak masing-masing, yang jumlah keseluruhannya menjadi tiga juta," katanya.

-- BERNAMA

JM MAN MFZ PR